



SIARAN MEDIA

PUSAT DIALISIS PERKESO DILANCARKAN UNTUK JANA MANFAAT KEPADA PENCARUM DAN KUKUHKAN KEMAMPAAN DANA KESELAMATAN SOSIAL

KLANG – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, telah menubuhkan Pusat Dialisis PERKESO untuk menyokong kemampuan dana keselamatan sosial dan meningkatkan akses rawatan dialisis kepada pencarumnya.

Pusat Dialisis PERKESO yang pertama dibuka di Klang bagi menyediakan kemudahan rawatan dialisis kepada para pencarum di sekitar Klang. Pusat ini mampu menyediakan rawatan kepada **18 orang pesakit sehari menerusi 3 syif** dan melengkapkan **kitaran dialisis untuk 36 orang pesakit setiap 3 hari dalam seminggu**.

Pusat Dialisis PERKESO (Cawangan Klang) yang berkeluasan 5,091 kaki persegi ini, telah dilancarkan secara rasminya hari ini oleh **Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Tuan V.Sivakumar**. Pelancaran pusat dialisis ini, yang diadakan serentak dengan perasmian bangunan Pejabat PERKESO Klang yang baharu di Bandar Bukit Tinggi, turut dihadiri oleh **Ahli Parlimen Klang, Yang Berhormat Tuan V. Ganabatirau, Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed**.

Menurut YB V.Sivakumar, penubuhan Pusat Dialisis PERKESO ini merupakan usaha untuk memastikan **kemampuan dana keselamatan sosial** dan bukan untuk menjana

keuntungan. “Penubuhan Pusat Dialisis PERKESO bukan bertujuan untuk bersaing dengan pusat-pusat dialisis yang lain tetapi ia adalah untuk kemampunan dana keselamatan sosial PERKESO. Dengan adanya Pusat Dialisis sendiri, PERKESO dapat mengurangkan kos menyediakan kemudahan rawatan dialisis yang meningkat saban tahun,” kata beliau.

Dengan adanya pusat dialisis ini, PERKESO dapat mencapai **penjimatan sebanyak RM168 sebulan bagi seorang pesakit** yang menerima maksimum **14 kali rawatan dialisis dalam sebulan**. Ini bermakna, PERKESO dapat menjimatkan **RM2,016 untuk seorang pesakit dalam setahun**.

PERKESO memperkenalkan kemudahan dialisis kepada para pencarum yang menghidap penyakit buah pinggang tahap akhir bermula tahun **1999**. Berdasarkan rekod terkini, lebih **17,000 Orang Berinsurans atau pekerja yang dilindungi PERKESO** sedang menerima kemudahan rawatan dialisis yang disediakan oleh lebih 700 buah pusat dialisis yang dilantik sebagai Panel Dialisis PERKESO. Kos rawatan dialisis untuk penerima kemudahan bantuan dialisis ini dibiayai PERKESO **seumur hidup** mereka.

Pada tahun 1999, kos kemudahan dialisis yang ditanggung PERKESO adalah **RM1.12 juta**. Setelah lebih dua dekad, kos ini telah meningkat kepada **RM334.67 juta**, seiring dengan pertambahan jumlah penerima kemudahan dialisis PERKESO. Setiap tahun PERKESO menerima sekitar **2,000 hingga 3,000 permohonan baharu** untuk kemudahan dialisis. Perbelanjaan bantuan dialisis PERKESO ini dijangka akan mencecah **lebih RM400 juta dalam tempoh 5 tahun** akan datang, dan melebihi **RM0.5 bilion dalam tempoh 10 tahun** dari sekarang.

Rangkaian Pusat Dialisis PERKESO akan beroperasi seiring dengan semua pusat dialisis panel PERKESO untuk memberi kemudahan rawatan dialisis kepada Orang Berinsurans PERKESO. Sehingga kini, terdapat **707 pusat dialisis panel** yang dilantik PERKESO di seluruh negara, di mana **135** adalah di bawah pengurusan **badan NGO** dan **572** lagi diurus oleh pihak **swasta**.

Rawatan dialisis untuk Orang Berinsurans di Pusat Dialisis PERKESO bukan sahaja ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO, malah perkhidmatan pengangkutan percuma juga disediakan untuk mereka berulang-alik bagi menjalani rawatan di pusat tersebut. Disamping itu, Orang Berinsurans juga diberikan suntikan Erythropoietin (EPO) yang optimum dan menjalani ujian darah setiap 3 bulan sekali secara percuma.

Penubuhan Pusat Dialisis PERKESO juga dapat memudahkan akses perkhidmatan dan manfaat lain kepada Orang Berinsurans PERKESO. Ini termasuk pengurusan hilang upaya dan program kembali bekerja yang ditawarkan melalui program Return To Work, Waktu Rawatan Flexi, Job Retention serta Kemudahan Rehabilitasi. Penubuhan pusat ini juga membuka ruang kepada PERKESO untuk memperkenalkan pelbagai promosi kesihatan seperti program pencegahan penyakit tidak berjangkit serta penjagaan atau pemeliharaan buah pinggang.

Sementara itu, Pejabat PERKESO Klang yang sebelum ini beroperasi selama dua dekad di Bandar Baru Klang telah berpindah ke bangunan baharu di Bandar Bukit Tinggi sejak 29 November 2022, bagi menyediakan kemudahan dan ruang yang lebih kondusif kepada para pelanggan. Sehingga kini, terdapat **73,944 majikan dan 514,620 orang pekerja** aktif yang berdaftar di bawah Pejabat PERKESO Klang, yang mempunyai kakitangan seramai 118 orang.

Setakat ini pada tahun 2023, Pejabat PERKESO Klang telah menerima dan memproses lebih **9,000 permohonan faedah** di bawah kesemua akta yang dikuat kuasakan PERKESO iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022.

Dengan rangkaian 54 pejabat di seluruh negara dan kekuatan kira-kira 4,000 kakitangan, PERKESO menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada lebih 9 juta pekerja. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila kunjungi laman sesawang rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi Careline PERKESO 1-300-22-8000 atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my

Dikeluarkan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT

6 Julai 2023

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my

Hamisah Hamid

+6019-383 3605

hamisah.hamid@perkeso.gov.my